

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN NO. 76

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membina jalan baru atau menaik taraf jalan luar bandar seperti jalan-jalan ke Rumah Panjang dan sebagainya di kawasan P211 Lanang pada tahun 2000-2019 dan senaraikan projek-projek tersebut secara terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat empat (4) projek Jalan Luar Bandar yang telah siap dilaksanakan di kawasan P211 Lanang dalam tahun 2000 hingga tahun 2019 dengan jumlah peruntukan yang diluluskan berjumlah RM20.90 juta.

SENARAI PROJEK JALAN LUAR BANDAR DI KAWASAN P211
LANANG

BIL.	PROJEK	SKOP	PERUNTUKAN (RM)
1.	JAMBATAN DI JALAN SK-SMK ULONG PALANG, BARIO, BAHAGIAN MIRI, SARAWAK	MEMBINA JALAN SEPANJANG 2.5 KM	8,700,000
2.	JALAN SENGAN, SIBU, SARAWAK	MENAIKTARAF JALAN SEPANJANG 2.6 KM	4,000,000
3.	JALAN NAMAN, SIBU, SARAWAK	MENAIKTARAF JALAN SEPANJANG 2.00 KM	4,000,000
4.	JALAN DURIN/SG. ASSAN, SIBU, SARAWAK	MENAIKTARAF JALAN SEPANJANG 3.00 KM	4,200,000
JUMLAH KESELURUHAN			20,900,000